

02/04/1997

JAS dakwa pemaju ingkar (HL)

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Projek Ikatan Rapi Sdn Bhd (Ikatan Rapi), yang melaksanakan projek kontroversi Ukay Perdana di Hulu Klang, akan dihadapkan ke mahkamah kerana gagal mematuhi peruntukan Kajian Penilaian Alam Sekitar (EIA).

Siasatan Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendapati, pemaju berkenaan sengaja enggan mematuhi empat syarat EIA walaupun bersetuju melakukannya pada peringkat awal.

Ikatan Rapi akan didakwa atas empat perkara iaitu melakukan pembinaan di kawasan bercerun lebih 20 darjah; tidak melaksanakan kerja pemulihan dan penstabilan cerun bukit; gagal menghantar pelan kerja tanah kepada JAS sebelum memulakan pembinaan; dan gagal menyelenggarakan kolam perangkap mendapan dengan sempurna.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata kementeriaannya akan meminta hukuman paling berat dikenakan terhadap pemaju terbabit sebagai teladan kepada pemaju lain yang mengingkari peraturan alam sekitar.

Menurutnya, kerajaan memandang serius kes itu terutama apabila ia ditimbulkan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melihat pembukaan tanah besar-besaran di kawasan berbukit itu.

Pertengahan bulan lalu, Dr Mahathir meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyiasat kegiatan pembukaan tanah besar-besaran di Selangor, selepas beliau melihat sendiri ketika dalam penerbangan pulang dari Taman Negara.

Jumaat lalu, Berita Harian menyiarkan gambar kawasan hutan yang baru dibersihkan di Hulu Klang membabitkan perataan bukit dan pemotongan pokok secara besar-besaran.

Law berkata, JAS menerima aduan daripada penduduk di kawasan berkenaan mengenai projek Ukay Perdana pada Januari lalu dan menghantar pegawainya menyiasat.

"Siasatan mendapati Ikatan Rapi gagal mematuhi kebanyakan syarat EIA ketika melakukan kerja perataan tanah walaupun ia digariskan secara terperinci dalam laporan EIA terbabit.

"Kementerian kini mengumpulkan bukti terperinci bagi mendakwa syarikat itu di mahkamah kerana kegagalan mematuhi EIA," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini, hari ini.

Mengikut Akta Kualiti Alam Sekitar (Kegiatan Tertentu - EIA) 1974, pesalah boleh dikenakan denda maksimum RM100,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pindaan akta itu dua tahun lalu menetapkan, kecerunan bukit antara lima hingga 20 darjah sebagai selamat, 20 hingga 30 darjah (berbahaya) dan 30 darjah seterusnya sebagai kritikal.

Projek Ukay Perdana berharga RM700 juta itu merangkumi pembinaan lebih 5,000 unit kediaman bercampur di tapak seluas 138 hektar berhampiran Bukit Antarabangsa, Hulu Klang dan tidak jauh dari kondominium Highland Towers, yang runtuh pada 1993.

Law berkata, JAS Selangor menerima aduan penduduk Hulu Klang berhubung projek Ukay Perdana dan menghantar pegawainya melawat tapak projek pada 17 dan 20 Januari lalu.

Contoh air diambil di perangkap mendapan di tapak berkenaan mendapati pepejal terampai yang terkumpul melebihi had ditetapkan, sekaligus membuktikan ia gagal diselenggara dengan baik.

Berikutan itu, katanya, notis arahan menghentikan kerja tanah dikeluarkan pada 24 Februari dan pemaju turut diarah mengemukakan langkah pemuliharaan tambahan mengenai kawalan, pemuliharaan dan pencegahan sebelum kerja pembinaan diteruskan.

"Bagaimanapun, pemaju masih ingkar dan enggan mematuhi arahan berkenaan," katanya sambil menyebut, laporan EIA projek itu dihantar ke JAS pada Oktober 1994 dan diluluskan pada Februari 1995.

(END)